

06/01/2000

Al-Jefri & Co sedia bergabung kukuhkan persaingan

AL-JEFRI & Co Bhd, sebuah firma perakaunan awam yang beribu pejabat di Kuala Lumpur menetapkan tempoh lima tahun untuk menjadi firma perakaunan Malaysia yang pertama mampu bersaing dalam bidang itu pada peringkat antarabangsa.

Selain mahu menjayakan semangat 'Malaysia Boleh' yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, firma berkenaan ingin membuktikan anak Melayu juga mampu bersaing dengan firma yang dikuasai bangsa lain terutama dari Eropah.

Sehubungan itu, Al-Jefri & Co Bhd, berhasrat menggunakan tempoh masa yang ada sekarang bagi menguatkan kedudukan firma itu terutama dari segi modal dan kepakaran.

Rakan Urusan (Managing Partner) Al-Jefri & Co Bhd, Syed Amin Al-Jefri berkata, persaingan pada peringkat antarabangsa terlalu hebat dan hanya firma berkemampuan dari segi modal dan kepakaran saja mampu bersaing.

Bagi mencapai matlamat itu, katanya, firma berkenaan bersikap buka pintu kepada firma kecil yang berhasrat bergabung dengan mereka untuk menjadi sebuah firma gergasi dan berdaya maju.

"Saya berharap firma kecil jangan tumbuh macam cendawan selepas hujan, iaitu banyak tetapi langsung tidak mempunyai kemampuan dan akhirnya tidak dapat bersaing.

"Itu merugikan kerana mereka kehilangan modal, selain memberi gambaran tidak baik kepada bidang perakaunan awam di negara ini," katanya kepada pemberita di Kuala Terengganu selepas mengunjungi Menteri Besar, Abdul Hadi Awang, kelmarin.

Syed Amin berkata, pihaknya bersedia untuk menerima permohonan firma kecil yang ingin bergabung dengan Al-Jefri & Co Bhd sekiranya mereka mempunyai matlamat dan haluan yang sama.

Menurutnya, sebelum ini, ada beberapa firma kecil yang ingin bergabung dengan mereka dan permohonan itu sedang diteliti supaya tidak mendatangkan masalah kemudian hari.

"Kami juga pernah ditawarkan bergabung oleh firma besar, terutama firma luar negara yang dikuasai bangsa Eropah dan Australia, selain firma dalam negara yang dikuasai bukan Bumiputera.

"Bagaimanapun, kami terpaksa menolaknya setelah mendapati bercanggah dengan matlamat asal untuk melonjakkan nama negara sebagai firma Bumiputera yang unggul tanpa perlu bergabung dengan firma luar," katanya.

Pada peringkat antarabangsa, katanya, persaingan ketika ini banyak berlaku di kalangan firma Australia, India, Singapura, dan Jepun yang berpengalaman luas dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, matlamat menjadi firma gergasi pada peringkat antarabangsa itu juga bertitik tolak daripada peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang mahu semua negara membuka sektor perkhidmatan dan kewangan masing-masing bagi menjayakan dasar liberalisasi pasaran.

"Persaingan pada waktu itu amat sengit, dan kami mengambil langkah awal bagi menyahut cabaran itu dan melonjakkan nama Malaysia dan Bumiputera ke peringkat antarabangsa," katanya.

(END)